

**RITUAL *SEMPUYUNG TUAH TANGGA MELIGAI RAJA* DI KAPIT, SARAWAK,
BORNEO**

**Anna Durin, Connie Lim Keh Nie, Noria Tugang, You Chong Lee, Laura Pranti Tutom
dan Micheal Juan**

Universiti Malaysia Sarawak
danna@faca.unimas.my

ABSTRACT

The Ibans or the Sea Dayaks are mostly live in Sarawak, Borneo or East Malaysia. Traditionally they were farmers and practiced animism but currently most of them or more that 80% are converted to Christians. In the olden days, due to the animistic belief, they have lots of rites and rituals. These rites and rituals are performed to bridge the connection between real or natural world with the supernatural world or to intermediate gods, spirits or deities to humans. Nevertheless the influenced of the animism still can be seen in the modern Ibans such as the Ibans in Kapit. One of the ritual performed in Kapit is called “Sempuyung Tuah Tangga Meligai Raja”. It was a ritual to invoke the blessings of deities to make them healthy, wealthy and prosper in life ahead. The objective of this research is to identify the symbols in each movement in the performance and their meaning. These symbols and meanings portray the Iban traditional beliefs and culture. This research was conducted in Kapit, central of Sarawak. Several informants who are experts in Iban traditional rites and rituals have been interviewed. The findings have proved that there is indeed such ritual performance implied meaning and become the symbols of the traditional Iban culture.

Keywords: Rites, Ritual, Iban, Animism, Symbol.

1.0 Pengenalan

Kebanyakan orang Iban di Borneo tinggal di Sarawak. Pada zaman dahulu mereka mengamalkan kepercayaan animisme (Durin: 2011). Oleh itu, mereka percaya bahawa semua benda hidup atau bukan hidup mempunyai semangat. Misalnya tumbuhan, batu, sungai, dan gunung ada penunggu. Mereka juga percaya tentang kewujudan dewa-dewi. Semangat, penunggu, dewa dan dewi harus dihormati dan ini bermaksud orang-orang ghaib ini boleh menjadi marah dan mengganggu sekiranya manusia melakukan perkara yang tidak diterima oleh masyarakat seperti melanggar pantang larang. Namun semangat, penunggu, dewa, dewi atau roh moyang juga boleh membantu seperti melindungi mereka daripada bencana alam dan penyakit sekiranya dipuja iaitu dibuat persembahan ritual kepada mereka. Persembahan ritual itu adalah seperti ritual untuk memohon rezeki dan memohon kesejahteraan diri (Kedit: 1975). Terdapat juga perlakuan di dalam ritual persembahan itu mempunyai makna tertentu seperti gerak-geri perlakuan yang

menyambut tetamu khas dari alam ghaib yang datang *ngabang* dan dipercayai membawa nasib baik seperti mudah rezeki kepada yang mempersembahkan ritual tersebut. Perlakuan tersebut adalah seperti yang duduk di atas gong dan bersededia dengan nyiru yang dialas dengan selimut yang dibuat daripada seni tenunan yang dinamakan *pua kumbu*. Secara tersurat *pua* adalah bermaksud selimut dan *kumbu* adalah *cover* atau pun menudung. Pada asalnya *pua kumbu* memang khas ditenun untuk tujuan atau kegunaan ritual.

Orang Iban juga percaya tentang kewujudan alam mati iaitu alam tempat roh nenek moyang dan sanak saudara yang telang meninggal. Mereka percaya bahawa roh mereka itu mempunyai kuasa luar biasa dan oleh yang roh itu dilihat dan dipercayai sebagai dewa-dewi. Dalam Bahasa Iban roh itu disebut *Petara Aki Ini*. Selain *Petara Aki Ini* mereka juga percaya tentang *Bunsu Antu* dan ini selalunya dikaitkan dengan haiwan sama ada haiwan garang seperti harimau dan ular sawa ataupun haiwan kecil seperti katak kecil *rauong*. *Bunsu* secara tersurat bermakna bongsu tetapi dalam kepercayaan tradisi orang Iban *bunsu* kadang-kadang dikaitkan dengan kuasa luar biasa seperti haiwan kecil yang menjadi jelmaan dewa ataupun jelmaan roh moyang. Oleh kerana ia jelmaan roh moyang maka haiwan tersebut tidak boleh dibunuh tetapi harus dihormati seperti dipersembahkan ritual *miring* sekiranya ia masuk ke rumah. *Antu* pula secara tersuratnya bermakna hantu tetapi dalam konteks ini ia adalah orang ghaib yang mempunyai kuasa luar biasa seperti dewa, dewi, penunggu ataupun roh moyang atau roh sanak saudara yang telah meninggal dunia (Sandin: 1994).

Orang Iban juga percaya tentang petanda dan petanda ini boleh dilihat daripada mimpi, perlakuan haiwan seperti burung, ular dan keadaan benda yang bukan hidup seperti ranting dan dahan pokok yang reput iaitu *punggu*. Ini bermakna arah burung terbang atau ular mengelonsor itu juga ada memberi makna tertentu. Maknanya boleh baik dan juga sebaliknya kerana ia terpulang kepada arah-arrah tertentu semasa orang Iban dalam perjalanan atau semasa tengah melakukan sesuatu kerja di huma atau kebun. Selain perlakuan haiwan, bunyi atau suara burung juga sangat penting dalam petanda atau *omen* orang Iban. Oleh itu, orang Iban zaman tradisi sangat peka dengan petanda-petanda tersebut. Oleh kerana, orang Iban moden yang masih dipengaruhi amalan animistik, terdapat juga mereka yang masih mempelajari dan peka dengan mimpi dan petanda-petanda tersebut.

Maka pengaruh amalan animistik yang masih kuat pada segelintir orang Iban walaupun mereka yang tinggal di bandar, beragama Kristian dan berpendidikan tinggi, mereka itu masih mempersembahkan ritual animistik. Biasanya ritual yang dipersembahkan ialah berkaitan dengan kesihatan dan memohon rezeki. Kajian ini ialah mengenai ritual memohon rezeki dan juga ritual kesejahteraan diri iaitu supaya sembuh daripada penyakit yang dinamakan seperti di dalam tajuk artikel ini.

2.0 Mimpi

Menurut para informan, ritual tersebut dipersembahkan pada kali pertamanya pada tahun 2008 selepas mendiang Bansa Untang mendapat petunjuk daripada mimpi. Mendiang bermimpi melihat seorang lelaki yang berbadan besar dan tegap atau kuat datang ke rumahnya di bandar Kapit. Mula-mula mendiang fikir orang tersebut mahu menyerangnya. Selepas ditanya, maka

orang itu memberitahu bahawa dia ada orang ghaib yang datang dari alam ghaib iaitu Panggau Libau untuk membantu dan melindungi mendiang daripada ancaman musuh, seperti orang jahat, ilmu sihir dan semangat jahat. Setelah bangun pada pagi seterusnya, mendiang menceritakan kepada keluarganya maka mereka pun mengadakan ritual atau Gawai pemujaan supaya orang ghaib itu berpuas hati dan terus menjaga mendiang dan keluarganya seperti yang diberitahu dalam mimpi itu tadi. Maka daripada itu, mendiang bersama keluarga percaya terdapat kuasa luar biasa yang sentiasa menjaga dan melindungi mereka daripada kuasa jahat sama ada daripada manusia atau semangat.

Pada tahun ini iaitu 2014 Bansa dalam keadaan tidak sihat dan terdapat orang lain yang bermimpi. Orang yang pertama bermimpi, melihat ramai orang yang dia tidak kenal pergi ke rumah mendiang Bansa kerana hendak menyerangnya. Namun dalam mimpinya, apabila mereka sampai di halaman rumah mendiang Bansa, mereka ditolak keluar oleh seorang yang berbadan besar, tinggi dan sangat kuat. Oleh kerana orang yang besar itu sangat kuat, mereka yang datang menyerang itu pun kalah dan meninggalkan rumah mendiang. Walau bagaimanapun, apabila wanita tersebut bangun pada esoknya, dia tidak mahu menceritakan mimpinya kepada mendiang kerana sangsi mendiang dan ahli keluarga mendiang tidak percaya.

Setahun kemudian iaitu pada awal tahun ini 2015, seorang wanita lain juga bermimpi dan mimpinya adalah sama dengan mimpi wanita itu tadi. Dia bermimpi ramai orang hendak menyerang keluarga mendiang Bansa tetapi dapat ditepis oleh oleh tiga orang yang sangat kuat atau gagah. Apabila semua orang jahat itu semua kalah dan lari, maka wanita tersebut bertanya kepada tiga orang yang kuat membantu keluarga Bansa iaitu siapakah mereka dan dari manakah mereka datang. Dia bertanya seperti itu, sebab dia nampak mereka bertiga itu mempunyai kekuatan yang luar biasa. Mereka memberitahu bahawa mereka adalah datang dari Panggau Libau. Dia percaya tiga orang itu adalah orang ghaib atau dewa-dewa dari Panggau Libau iaitu dewa Keling, dewa Laja dan dewa Bungai Nuing. Ketiga-tiga dewa tersebut sangat disanjung dan dipuja oleh orang Iban yang masih mengamalkan kepercayaan tradisi.

Pada mulanya wanita kedua ini juga tidak mahu memberitahu mendiang Bansa mengenai mimpinya itu kerana bimbang seperti wanita pertama tadi. Namun wanita kedua itu bercerita pada orang lain semasa mereka minum kopi di bandar Kapit. Semasa dia bercerita, wanita pertama yang bermimpi itu, ada di situ. Oleh itu, dia pun bercerita pada orang di situ dia pernah bermimpi hal yang sama mengenai keluarga mendiang Bansa. Oleh kerana orang-orang yang mendengar cerita itu masih percaya dan mengamalkan kepercayaan tradisi maka mereka menasihatkan kedua-dua wanita itu memberitahu keluarga mendiang Bansa. Sebab mereka percaya bahawa mereka juga bertanggungjawab tentang kesejahteraan dan keselamatan sesama manusia apatah lagi mereka mempunyai pertalian keluarga yang masih rapat.

Setelah diberitahu, maka Bansa dan keluarganya terus mengadakan ritual *mudas* iaitu untuk memohon perlindungan daripada dewa-dewi. Sebahagian daripada makanan yang dipersembahkan kepada orang ghaib atau dewa-dewa itu adalah beberapa biji telur ayam mentah, rendai atau letup, iaitu beras pulut yang dibuat macam *pop corn*. Semasa ritual *mudas* itu dipersembahkan, terdapat daripada telur yang dijadikan *piring* itu pecah. Telur *piring* yang pecah itu telah memberi petunjuk kepada keluarga mendiang Bansa bahawa dewa-dewa, semangat dan roh moyang yang dipuja untuk membawa berkat dan perlindungan kepada keluarga itu, belum

berpuas hati. Maka mereka pun mengadakan mesyuarat dengan pakar-pakar ilmu animisme. Keputusan mesyuarat di antara keluarga Bansa dengan pakar atau Tuai Burung maka mereka bercadang mempersembahkan ritual yang besar iaitu seperti dalam tajuk artikel ini iaitu *Sempuyung Tuah Tangga Meligai Raja*.

3.0 Persediaan Gawai

Sebulan sebelum *gawai* itu dipersembahkan, keluarga Bansa mula menyediakan tuak atau air tapai. Ini adalah kerana dalam budaya masyarakat Iban sama ada tradisi atau moden, air tapai atau tuak itu adalah harus disediakan dan disajikan kepada para tetamu yang datang ke *gawai* atau majlis-majlis seperti *gawai melah pinang* (majlis perkahwin) dan *gawai* ritual berkaitan dengan amalan animistik.

Ritual *miring* dipersembahkan dahulu sebelum mereka bermula membuat ragi yang akan digunakan untuk membuat *tuak*. Dalam ritual *miring* tersebut, dewa-dewi dipuja untuk membantu mereka dalam proses pembuatan ragi supaya ia baik dan menghasilkan *tuak* yang sedap dan baik. Seterusnya dewa-dewi itu juga dipuja dan dijemput datang ke ritual *gawai Sempuyung Tuah Tangga Meligai Raja* itu nanti untuk memberkati keluarga Bansa seperti memberi nasib baik iaitu mudah rezeki, sihat sejahtera dan melindungi mereka dari segala bahaya. Bahaya yang mungkin datangnya dari semangat jahat atau buatan sihir manusia.

Semasa mereka menumbuk bahan-bahan yang hendak diadunkan untuk membuat ragi tiba-tiba ada berapa orang daripada mereka di situ terlihat ular tedung di halaman rumah tersebut. Mereka percaya bahawa ular tedung tersebut adalah jelmaan dewa Keling dari alam ghaib iaitu Panggau Libau. Mereka percaya dewa Keling datang untuk menziarahi mereka kerana terdengar pemujaan mereka semasa mereka membuat persembahan *miring* yang terdahulu tadi. Untuk tanda berterima kasih dan tanda menyambut kedatangan jelmaan dewa Keling (ular tedung) itu, maka mereka mempersembahkan *piring* khas untuknya. Dalam persembahan tersebut mereka juga mengorbankan seekor ayam jantan. Setelah ritual *miring* itu dipersembahkan, ular tedung itu tidak kelihatan lagi. Maka dengan kejadian itu, mereka percaya dewa keeling dan dewa-dewi yang ikut serta datang menjenguk keluarga Bansa itu adalah telah berpuas hati. Ramuan untuk pembuatan ragi telah siap disediakan, maka kerja membuat tuak itu pun dijalankan. Sebulan kemudian tuak sudah dihasilkan untuk minuman para tetamu pada waktu *gawai* tersebut.

Sehari sebelum bermula ritual dipersembahkan iaitu pada malam 15 Mac 2015, mereka mengadakan taklimat khas untuk para pekerja yang membuat kerja *beramu*. *Beramu* bermaksud mengambil kayu-kayu untuk dijadikan papan dan tiang untuk membina satu tempat ritual yang khas dan tempat itu disebut dalam Bahasa Iban *meligai*. Pada awal pagi (kira-kira jam 6.00 am, semua yang hendak *beramu* pergi dengan menaikki 3 buah kereta hilux. Semua yang ikut pergi mengambil *ramu* itu harus melakukan *muai mata*. *Muai mata* bermaksud setiap orang pergi ke hutan untuk mengikuti rombongan mengambil *ramu* harus menceduk sedikit campuran *tuak* dengan telur mentah dan disimpan ke dalam sebuah mangkuk untuk dipersembahkan kepada semangat, dewa, dewi atau apa jua roh yang hadir di situ. Cara persembahannya ialah dengan

membuangnya ke tanah di halaman rumah itu. Fungsi *muai mata*, ialah untuk memohon ampun dan mententeramkan semangat jahat, untuk memberi tanda hormat kepada semua orang ghaib iaitu seperti dewa atau roh moyang yang hadir di situ. Ini adalah kerana dalam *pengarap lama* Iban setiap orang sama ada manusia biasa ataupun orang halus atau ghaib harus dihormati barulah boleh hidup harmoni dan *gawai* boleh dijalankan dengan baik. Dalam konteks ini, *muai mata* adalah untuk meri minum atau menjamu sebagai tanda hormat dan juga mohon ampun kepada semangat jahat supaya tidak mengganggu kerja mengambil *ramu* dan kepada roh moyang dan dewa, supaya melindungi daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti kemalangan. Setelah siap *muai mata* barulah naik kereta dan tiga orang wanita itu mula memukul *nabuh rayah* iaitu memukul gong seperti yang dinyatakan di atas. Ini adalah untuk memberi tanda hormat kepada semangat dan dewa yang dipercayai hadir dan mengiringi dalam perjalanan itu nanti. Setelah selesai miring barulah rombongan itu berangkat pergi ke hutan untuk menebang pokok yang akan dibuat ramu. Hutan tempat pokok yang hendak ditebang untuk *ramu* itu kira-kira 2 jam dari bandar Kapit. Semasa dalam perjalanan ke sana, tiga orang wanita ditugaskan untuk memukul gong *tabuh rayah* iaitu sejenis muzik yang khas untuk ritual. Mereka bermula memukul gong (seorang sebuah gong) sejak berangkat dari rumah Bansa sampai ke hutan tempat mengambil *ramu*.

Di hutan itu, juga terus memukul gong itu dengan tiada berhenti. Sekiranya mereka letih, mereka harus meminta ganti orang lain untuk pukul gong tersebut. Pukulan tabuh gong itu tidak boleh berhenti dan dilakukan sepanjang kerja mengambil ramu dan juga dalam perjalanan pulang balik ke rumah panjang sehingga ramu itu sampai di halaman rumah yang *begawai* itu. Fungsi pukulan gong itu adalah supaya menghalau semua yang tidak baik seperti petanda (omen) buruk dan semangat jahat. Selain itu ia juga dipercayai boleh menarik perhatian para dewa-dewi dan semangat yang baik di alam ghaib untuk datang ke *gawai* itu nanti.

Pokok yang dipilih ialah sejenis pokok yang dinamakan masyarakat Iban *gerunggang*. Sebelum menebang pokok, persembahan *miring* juga dilakukan untuk memohon kebenaran dan restu daripada semangat pokok yang hendak ditebang dan juga semangat lain yang berada di hutan itu. Setelah *miring*, barulah kerja menebang pokok itu bermula. Mereka menggunakan *chain saw* tidak seperti pada masa zaman dahulu yang menggunakan kapak atau berliung. Maka dengan itu, kerja menebang pokok dan membuat *ramu* itu lebih cepat dalam masa kira-kira setengah hari. Setelah selesai maka *ramu* itu diangkut ke dalam lori dan dibawa balik ke rumah Bansa di bandar Kapit. Sewaktu dalam perjalanan balik ke rumah Bansa, pukulan tabuh gong masih diteruskan. Dalam tengah perjalanan, berlaku *ujan nyala* lebih kurang 10minit. *Ujan nyala* adalah hujan panas dalam Bahasa Iban. Mereka percaya *ujan nyala* adalah satu pertanda dewa-dewi adalah bersama mereka. Setelah *ramu* itu sampai di halaman rumah, maka *piring* untuk menyambut *ramu* tersebut dipersembahkan. Rombongan yang mengambil ramu itu tidak dibenarkan masuk rumah awal daripada ramu. Setelah selesai *miring* maka *ramu* dibawa masuk barulah semua kami masuk ke rumah tersebut.

Kerja pembinaan *meligai* di atas bumbung rumah bermula pada 17 Mac 2015. Sebuah tangga khas yang Sembilan gigi juga dibina untuk naik ke *meligai* itu. *Meligai* adalah tempat untuk meletakkan *piring* khas dan di situ juga Bansa akan duduk untuk menunggu kedatangan semangat harimau dan dewa-dewi daripada Panggau Libau. Pada malam itu, lampu dinyalakan di

meligai tersebut untuk memberitahu kepada semangat, dewa atau *petara* bahawa di situ orang ada *begawai*. Maka dengan itu, para dewa dan *petara aki ini* akan bersiap sedia untuk ngabang atau pergi ke rumah tersebut. *Petara aki ini* bermaksud roh moyang yang telah meninggal dunia dan dalam *pengarap lama* Iban roh itu memiliki kuasa luar biasa dan boleh melindungi anak cucu daripada semangat jahat atau musuh. Selain itu, *Petara Aki Ini* juga dipercayai boleh membantu dalam memudahkan rezeki seperti memberi azimat supaya senang mendapatkan wang dan juga harta.

Pembinaan *ranyai (altar)* dilakukan pada 17 Mac 2015 dan tiang *ranyai* dibina dengan buluh kemudian dua jenis batang puding yang berdaun besar dan hijau atau *sabang sukung ranyai* juga sama didirikan untuk menyokong tiang buluh itu. Puding yang daunnya berwarna merah jambu itu dinamakan *sabang api* dan fungsinya ialah untuk membuang atau menolak semua perkara yang tidak baik dan juga untuk menyambut hati babi yang akan dikorbankan untuk menilik nasib semua lelaki dalam keluarga Bansa. Oleh yang demikian, daun pudding itu dinamakan *sabang penulak sumpah*. Maksudnya ialah puding itu dipercayai boleh menolak semua sumpah jahat dan kuasa semangat jahat terhadap orang yang mempersembahkan ritual tersebut.

Malam 17 Mac 2015 itu mesyuaratkhas diadakan di rumah Bansa dan tujuan mesyuarat itu ialah untuk menentukan upah atau bayaran kepada orang-orang tertentu yang terlibat dalam persembahan ritual tersebut misalnya *lemambang* dan *Tuai Burung*. Bayaran yang diberi adalah mengikut permintaan orang berkenaan dan orang itu juga akan meminta bayaran mengikut kepakaran dan tugasnya. Upah yang paling tinggi ialah untuk *lemambang* sebab beliau yang akan *nimang* atau *chanting* pada tiga malam berturut-turut iaitu bermula daripada malam 17 Mac sehingga malam 19 Mac. Upah *lemambang* adalah seperti berikut: Kain warna merah tua 7 *depa* atau ela, *baja* atau batang besi yang panjangnya kira-kira satu meter 4 batang, sebilah parang bersama sarungnya. Parang dan batang besi ini adalah untuk *kering semangat* (menguatkan semangat) *lemambang*. *Tajau* sejenis tempayan untuk *kurung semangat*. Di dalam konteks ini, *kurung semangat* bermaksud benda yang dijadikan pelindung kepada *lemambang* supaya beliau tidak dapat diganggu semangat jahat. Selain itu, seekor ayam jantan untuk *lemambang* memperlakukan ritual *miring* atau *bebiau* dan satu *piring* untuk dibawa *lemambang* balik ke rumahnya dan duit RM750.00. Duit itu akan dibahagikannya dengan seorang pembantunya dalam persembahan *nimang*.

Ahli-ahli (3 orang) yang membantu dalam pembinaan *meligai, tangga raja*, dan membuat *sempuyung* diberi upah seperti setiap orang diupah dengan sebuah *tajau* seorang, kain 7 ela, *baja* 4 batang, sebilah *pendawan*, sebilah kapak siap dengan hulunya, 4 pinggan, 1 mangkuk, sebilah parang bersama hulunya, dan sehelai *pua kumbu*. Untuk *nasak* iaitu orang yang menyediakan *piring* dalam *ranyai*. Upah yang lain seperti untuk orang yang mempersembahkan ritual *nasak* ialah ialah 1 set piring dibawa dia balik, seekor ayam, sebuah *tajau* dan kain 3 ela. Upah untuk ritual *mengendong semangat* ialah seekor ayam jantan yang sudah ada taji. Untuk *mengendong semangat*, upahnya adalah seekor ayam jantan yang sudah ada taji. Untuk membuat ritual *mukat*, upahnya ialah *piring* 8 dibawanya balik, sebatang *baja* (besi), seekor ayam dan 2 ela kain. Untuk ritual *ngerandang* upahnya ialah *piring* 8 dibawanya balik, sebatang *baja*, seekor ayam dan dua ela kain.

Dua orang wanita khas atau Indu Takar yang menyediakan semua *piring*, upah mereka ialah sebuah *tajau* seorang, ayam seekor seorang, dan kain 2 ela seorang. *Tuai Gawai* (ketua ritual) orang yang pertama memulakan kerja membina *ranyai* (*altar*), upanya ialah *piring* 8 dibawanya balik, sebatang *baja*, sebuah *tajau*, kain 4 ela, dan seekor ayam. Pembantu *tuai gawai*, upahnya ialah kain 2 ela, *piring* dibawanya balik dan seekor ayam.

4.0 Semasa Gawai

Gawai yang sebenarnya (actual) bermula pagi 18 Mac 2015. Pada awal pagi tersebut ritual memberi mandi 9 ekor babi yang telah diikat kepada buluh. Babi-babi itu diletak dibawah sebuah pondok kecil yang diatapkan dengan *pua kumbu*. *Pua kumbu* bermaksud sejenis tekstil tenun Iban yang khas untuk digunakan dalam persembahan ritual animisme masyarakat Iban. *Pua kumbu* yang digunakan untuk atap tersebut harus terdiri daripada motif dalam kategori tinggi kerana ritual dan babi-babi itu akan khas digunakan untuk penilikan nasib keluarga Bansa. Oleh yang demikian babi-babi itu juga dianggap suci maka *pua kumbu* yang digunakan ialah bermotifkan motif unsur haiwan garang iaitu burung helang dan juga mempuyai kaitan dengan gelaran Bujang Berani Iban iaitu motif *Lang Ngerembang*. *Lang* bermaksud helang dan *ngerebang* bermaksud meredah hutan belantara untuk menyerang musuh.

Kira lepas tengah malam iaitu awal 19 Mac, ritual *ngalu tuai* dijalankan untuk mengalu-alukan semua kedatangan para tetamu yang hadir di situ. Ritual *ngalu tuai* itu agak berbeza sedikit dengan yang biasa di rumah panjang kerana lokasi ritual itu adalah di rumah bungalow maka yang dijemput ngabang atau minum adalah para tetamu yang memang sudah berada di anjung rumah tersebut. Ritual *ngalu tuai* dimulakan dengan *miring* yang mempersembahkan *piring lapan*. Lepas *miring* maka tuan rumah bersama keluarga dan para tetamu mula minum tuak, makan dan berhibur seperti *bepantun*. *Pantun* ialah sejenis tradisi lisan Iban yang digunakan untuk berhibur seperti memuji tetamu khas seperti menteri atau ketua masyarakat dan orang yang dihormati.

Piring seguran dipersembahkan untuk mengalu-alukan kedatangan para tetamu dan ketua-ketua masyarakat. Setelah itu ritual *bedara* dipersembahkan. Petang 19 Mac, ritual *niti daun* dilakukan oleh para wanita dan gadis-gadis yang berpakaian tradisional. Mereka diiringi dengan *tabuh* atau muzik tradisi masyarakat Iban berjalan mengelilingi rumah sebanyak tiga kali. Setelah habis *niti daun* para tetamu duduk bersama duduk dianjung. Pada senja hari itu, semua babi dipondok yang beratapkan *pua kumbu* itu diadakan ritual menukarkan posisi. Tujuan ritual alih posisi ini ialah supaya babi-babi itu tahu dan sedar mereka telah dipilih menjadi korban suci untuk keluarga Bansa kepada dewa-dewi, roh morang dan semangat harimau dan akan disembelih untuk diambil hati-hati. Hati-hati babi itu dibaca oleh para pakar-pakar untuk mengetahui sama ada nasib-nasib kaum lelaki keluarga Bansa baik atau sebaliknya.

Pada pagi kemuncak juga *ranyai tiang* ditebang, dan air *tuak* yang disimpan dalam buluh sebagai *tiang ranyai* itu pun diminum oleh semua yang berada di situ. Pada awal pagi 20 Mac 2015, jam 5:45 pagi, *piring* itu dikutip balik dari tempat *altar* di tepi jalan. Rombongan itu terdiri daripada isteri Bansa, *Tuai piring*, ketua ritual dan dua orang pemukul gong. *Piring* itu diangkat oleh isteri Bansa dan dibawa balik ke rumah. Gong dipukul secara berterusan dalam perjalanan pergi

dan balik tanpa henti. Selepas sampai ke pintu, bermula dengan ketua ritual, isteri Bansa, setiap orang harus ceduk untuk membuang *omen* yang buruk. Upacara *miring* bermula sebagai tanda menyambut masuk nasib baik atau rezeki ke rumah Bansa. Selepas upacara *miring*, *ranyai* dibuka dan diiringi dengan *chanting lemambang* secara berterusan. Selepas itu, barang-barang untuk buat *ranyai* untuk *tangga maligai raja*, *dulang meligai* (simbol kerusi raja), gong, disusun bersama dengan *piring* di atas lantai. Kedua-dua *ranyai* yang adalah dalam rumah dan luar rumah telah dibuka. Antara barang-barang yang disusun bersama *piring* dalam rumah adalah *tajau* (jar) dan gong.

Upacara bermula pada pukul tujuh pagi pada hari yang sama. Isteri Bansa yang pegang *piring* duduk atas gong sewaktu ritual *renung* atau *chanting* dipersembahkan. Isteri Bansa yang duduk di atas gong dan memegang nyiru adalah simbolik bahawa beliau sedang menerima tuah atau nasib baik daripada dewa-dewi yang dipercayai datang menghantar tuah kepada keluarganya.

Lebih kurang jam 8 pagi, *dulang meligai* atau kerusi raja dihantar ke *meligai*. Ahli keluarga Bansa semua bersiap sedia dengan pakaian tradisional Iban untuk upacara kemuncak ini. Setiap ahli keluarga mengambil giliran untuk menghantar barang ke atas *meligai* yang telah dibina di atas bumbung rumah itu kepada Bansa duduk dalam *dulang meligai* di atas *meligai*. Setelah semua ahli keluarga Bansa menghantar *piring* kepadanya, beliau terus mempersembahkan semua *piring* kepada dewa-dewi dan semangat harimau yang dipercayai telah turun dari kayangan dan datang ke *meligai* tersebut. *Pring-piring* tersebut adalah makanan yang khas untuk disajikan kepada semua orang ghaib termasuk semangat harimau yang dipercayai datang untuk memberi tuah, rezeki, dan kesejahteraan kepada keluarga Bansa. Lepas upacara itu habis pada pukul 9 pagi.

5.0 Penutup Ritual

Pada puku 9:20am Isteri Bansa dan perempuan yang bermimpi itu duduk atas gong. Perempuan yang bermimpi itu cerita apa yang dia temui dalam mimpi. Selepas itu, upacara *bebuti* itu bermula. *Bebuti* adalah *merry making*. Lelaki berhias dan berlakon sebagai wanita dan wanita berhias sebagai lelaki. Pada masa itu, mereka bersuka ria. Mereka mengheret seekor kura-kura jenis *baning*. Lepas itu, kura-kura itu disembelih dan dimasak bersama-sama makanan yang lain. Makanan itu adalah campuran beberapa jenis seperti sayur-sayuran, nasi pulut, daging kura-kura, daging ayam, daging babi dan lain-lain. Sebab itu nama acara itu disebut *buluh merapuh*. Secara lateral maksudnya ialah longgokan buluh yang banyak sekali. Makanan yang bercampur itu diibaratkan seperti longgokan buluh. Acara itu diakhir dengan menjamu selera dengan makanan tersebut.

6.0 Rumusan

Dari ritual *Sempuyung Tuah Tangga Meligai Raja* di Kapit, adalah didapati masyarakat Iban di kawasan bandar Kapit masih mempercayai kepada mesej yang disampaikan dari mimpi dan adalah tanggungjawab masyarakat untuk mengadakan ritual demi kesejahteraan masyarakat di tempat tersebut. Setiap proses dalam upacara serta upacara miring dilakukan di setiap peringkat upacara secara teliti demi mendapat berkat dan restui dari dewa-dewi. Dalam ritual ini, dapat kita perhatikan masyarakat Iban di Kapit berkejasama iaitu menjalankan tugas masing-masing dengan tekun dalam ritual untuk memastikan ritual itu dijalankan dengan tertib serta lancar demi kesejahteraan semua yang hadir dan khususnya keluarga Bansa. Terdapat juga beberapa perlakuan dalam ritual itu adalah simbol-simbol budaya terutamanya yang berkaitan dengan kepercayaan tradisi Iban. Simbol-simbol itu ialah seperti gerak-geri isteri Bansa yang duduk di atas gong sebagai tanda menerima *tuah* yang dihantar oleh para dewa-dewi. Perlakuan yang mengalu-alukan kedatangan orang ghaib seperti dewa-dewa dari Panggau Libau dan juga *Bunsu Remaung* (semangat harimau) yang dipercayai turun dari langit. Maka dengan terdapatnya simbol-simbol yang dikenalpasti dalam ritual ini memang sah lah seni ritual persembahan masyarakat Iban memang mempunyai-mempunyai simbol yang menggambarkan budaya tradisi mereka.

Rujukan

- Durin, A. 2011. Motif-motif tradisi dalam budaya masyarakat Iban Saribas. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kedit, P. M. 1975. Iban bejalai. PhD thesis. Department of Anthropology, University of Queensland.
- Sandin, B. 1994. Part One – myth and history: Early migrations and the origins of Iban culture. The sarawak Museum Journal, Vol XL VI, 375 – 3050, December.

Penghargaan

Penghargaan kami beri kepada beberapa pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Malaysia Sarawak yang membiayai penyelidikan ini. Penghargaan juga kami beri kepada keluarga mendiang Bansa Untang yang sudi menerima kehadiran kami semasa ritual itu dipersembahkan. Kepada Puan Minor isteri mendiang Bansa dan Encik Bujal menantu mendiang, terima kasih yang tiada terhingga kami ucapkan kepada anda berdua. Semoga Tuhan memberkati mu sekeluarga. Kepada mendiang Bansa Untang, kami sangat berterima kasih di atas kebaikan hati mu sudi menerima kami sebagai tetamu anda. Semoga roh mendiang aman bersama Tuhan yang Maha Kuasa. Selain itu kami juga sangat berterima kasih kepada para informan yang sangat baik hati dan sudi membantu kami dalam penyelidikan ini seperti Dr Robert Menua, dan Puan Helen Manjan.